



Malam Eksekutif 2011 yang berlangsung di Promenade Hotel baru-baru ini telah berjaya menghimpukan seramai 200 bakal graduan dan penerima anugerah dekan dalam satu majlis yang penuh meriah. Majlis tersebut yang dianjurkan merupakan program tahunan yang di anjurkan oleh pihak SPE dan di kelolakan oleh Persatuan Mahasiswa Perniagaan & Ekonomi (PMPE). Hadir sama dalam majlis yang tersebut adalah Dekan SPE, Prof. Madya Dr. Hjh Arsiah Hj Bahron, Timb. Dekan (Akademik) Dr. Zatul Karamah Abu Bakar Ulum serta beberapa orang ketua program, wakil MPP serta pensyarah. Menurut Pengarah Malam Eksekutif 2011, Lai Kar Wei, persiapan bagi acara tersebut telah dijalankan sejak dua bulan yang lalu dan pihaknya berpuashati dengan perjalanan majlis tersebut. Majlis tersebut turut mendapat kerjasama dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar selain penajaan dari syarikat luar. Majlis tersebut di adakan bagi meraikan bakal graduan SPE selain memberi pengiktirafan kepada pelajar-pelajar yang memperolehi sijil dekan mendapatkan sijil masing-masing dari pihak Dekan sendiri. Di majlis yang



sama 3 anugerah pelajar cemerlang turut diberikan kepada 3 orang pelajar terpilih berdasarkan pencapaian cemerlang mereka dalam bidang masing-masing.

